

Malaysia rancang penggunaan kenderaan elektrik

KOSMO
27/7/17
mls 6

PUTRAJAYA - Malaysia mempunyai perancangan untuk menggunakan kenderaan elektrik pada masa depan bagi mengatasi masalah pencemaran udara akibat asap kenderaan yang menggunakan bahan api berasaskan petroleum dan diesel.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, buat masa ini negara mempunyai dasar untuk melaksanakan penggunaan minyak mengikut standard Eropah iaitu Euro5 yang bakal dilaksanakan secara berperingkat bermula tahun depan sehingga tahun 2025.

"Saya yakin kita boleh mencapai penggunaan minyak Euro5 menjelang tahun 2025 supaya negara dapat mengurangkan penggunaan bahan api fosil.

"Dalam masa sama kerajaan juga merancang untuk menggunakan kereta dan motosikal elektrik secara berperingkat pada masa hadapan," kata beliau selepas merasmikan Seminar Antarabangsa Mengenai Isu-Isu Terkini Kesan Hutan dan Hasil Perhutanan ke-18 di sini semalam.

Semalam, kerajaan Britain mengumumkan keputusan negara itu

untuk melarang penjualan semua jenis kenderaan menggunakan minyak petrol dan diesel mulai tahun 2040.

Tindakan itu sebahagian daripada langkah negara itu mengatasi masalah pencemaran udara teruk akibat pelepasan asap kenderaan di negara Eropah berkenaan.

Bagaimanapun, mengulas lanjut, Wan Junaidi berkata, pelaksanaan dasar kenderaan elektrik ketika ini berhadapan dengan cabaran kerana industri automotif perlu membelanjakan kos yang besar untuk membangunkan teknologi tersebut.

"Perkara tersebut sudah dibangkitkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika Mesyuarat Teknologi Hijau baru-baru ini.

"Namun begitu, inisiatif ke arah penggunaan kenderaan elektrik bergerak perlahan kerana pihak industri automotif perlu membuat pelbagai penukaran seperti enjin dan acuan kenderaan," jelas beliau.

Ujar Wan Junaidi, penggantungan negara kepada industri petroleum turut menjadi cabaran bagi kerajaan melaksanakan dasar menggunakan kenderaan elektrik.



WAN JUNAIDI